

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
27 FEBRUARI 2014**

---

**1. MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH  
SEMPENA PROMOSI CUKAI PINTU 2014**

Sukacitanya di sini saya ingin memaklumkan bahawa Majlis Cabutan Bertuah dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2014 akan diadakan pada hari ini di mana baki 36 pemenang daripada 77 pemenang yang telah dipilih melalui undian pada 27 Januari yang lalu bakal menerima hadiah masing-masing. Cabutan akan dibuat oleh Tuan Yang DiPertua, Ahli-Ahli Majlis dan Tuan Setiausaha Perbandaran. Program ini akan bermula selepas selesai Majlis Penuh di Lobi Utama Ibu Pejabat MPSP. Diharapkan tuan/puan dapat turut serta menjayakan program ini.

**2. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 3 MAC 2014**

Dimaklumkan 28 Februari 2014 adalah hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2014. Pada 3 Mac 2014, Notis E Taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas

akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Diharapkan pembayar cukai yang masih belum menjelaskan cukai taksiran, hendaklah **SEGERA** membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau secara online di laman web MPSP.

### **3. LANJUTAN WAKTU OPERASI KAUNTER BERPUSAT, MPSP**

Sukacita dimaklumkan, Bahagian Kaunter Berpusat, Jabatan Khidmat Pengurusan akan melanjutkan waktu operasi perkhidmatan kaunter seperti ketetapan berikut :

**Tarikh : 28 Februari 2014 (Jumaat)**

**Waktu Lanjutan : Sehingga jam 8.30 malam**

Lanjutan waktu operasi ini adalah bersempena dengan hari terakhir bayaran cukai taksiran MPSP bagi setengah tahun pertama 2014 yang mana ini merupakan satu inisiatif MPSP dalam menyediakan perkhidmatan waktu tambahan bayaran melalui Kaunter Berpusat selain daripada bayaran secara *online*.

#### **4. JADUAL KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK DAN SAMPAH PUKAL**

MPSP sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan tahap keberkesanan kutipan sampah di Seberang Perai dengan kerjasama penduduk setempat. Bagi tujuan tersebut, Majlis telah menyediakan jadual kutipan sampah domestik dan sampah pukal sebagai panduan terhadap hari kutipan yang akan dilaksanakan mengikut lokasi dan jenis sampah.

Adalah diharapkan jadual ini dapat membantu warga Seberang Perai merancang pembuangan sampah dan kerja-kerja kebersihan supaya Seberang Perai lebih bersih, indah dan selesa untuk didiami.

Jadual dalam bentuk CD akan diedarkan kepada semua Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis MPSP dan menjadi harapan Majlis agar ianya dapat disebarikan / dihebahkan kepada semua penduduk yang terlibat.

Jadual tersebut juga mempunyai nama dan nombor telefon pegawai MPSP yang boleh dihubungi sekiranya terdapat masalah kebersihan. Begitu juga taman-taman yang baru mendapat CCC / OC, boleh hubungi pegawai di KADUN yang berkaitan untuk mengetahui jadual kutipan di taman tersebut. Selain daripada

pejabat Ahli Parlimen dan ADUN, jadual tersebut juga boleh di perolehi daripada laman sesawang mpssp, [www.mpssp.gov.my](http://www.mpssp.gov.my)

## **5. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Untuk mewujudkan warga Seberang Perai yang lebih sihat Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada hari Ahad 2 Mac 2014. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 16 Mac 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 Mac 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **6. SENAMROBIK DI TAMAN REKREASI AMPANG JAJAR**

Sukacita ingin saya maklumkan di sini, Program Senamrobik akan diadakan di Taman Rekreasi Ampang Jajar Permatang Pauh pada setiap hari Ahad bermula 2 Mac 2014. Program ini akan dimulakan pada jam 7.30 pagi – 8.30 pagi kecuali pada 9 Mac 2014. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**